

CABARAN PSEUDO-SALAFI TERHADAP AMALAN MASYARAKAT ISLAM

Ibrahim Adham Mohd Rokhibi,¹ Mohd Farhan Md Ariffin,²
dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar³

Abstrak

Pseudo-salafi merupakan suatu kelompok eskترم dalam proses pembaharuan (*tajdīd*) terhadap pengamalan masyarakat di Malaysia. Keberadaan mereka banyak menyebabkan kekeliruan terhadap pemikiran masyarakat dalam ibadah. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengupas pengaruh fahaman ini dalam amalan masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini dikhususkan kepada tiga isu utama yang menjadi kebiasaan pertikaian kelompok pseudo-salafi terhadap pengamalan masyarakat Islam di Malaysia. Pertama adalah isu seruan bebas mazhab, kemudian isu penolakan hadith daif sebagai sandaran amalan dalam karya Jawi dan yang ketiga adalah isu tekstualisme dalam memahami nas keagamaan. Kajian ini mengguna pakai pendekatan kajian perpustakaan untuk mengkaji pengaruh kelompok pseudo-salafi terhadap amalan masyarakat melalui kajian-kajian bertulis yang telah dihasilkan. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh dan keberadaan kelompok beraliran pseudo-salafi ini banyak memberikan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Bahkan, mereka turut memanipulasikan perkataan-perkataan para ulama agar sesuai dengan ideologi dan menepati citarasa mereka.

Kata kunci: pseudo-salafi, amalan tradisi, Hadith daif, karya Jawi

THE CHALLENGE OF PSEUDO-SALAFI TOWARDS THE PRACTICE OF THE MUSLIM COMMUNITY

Abstract

Pseudo-Salafis is an extreme group in the process of reform (tajdīd) on the practice of society in Malaysia. Their presence causes a lot of confusion on the thinking of the community in worship. In this regard, this article aims to explore the influence of this ideology in the practice of the Muslim community in Malaysia. This study is devoted to three main issues that are common in the pseudo-salafi group dispute over the

¹ Ibrahim Adham Mohd Rokhibi adalah calon Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Mohd Farhan Md Ariffin, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. E-mel: mohdfarhan.ma@utm.my.

³ Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

practice of the Muslim community in Malaysia. The first is the issue of the free call of sects, then the issue of the rejection of poor hadith as a basis for practice in Jawi works and the third is the issue of textualism in understanding religious texts. This study adopts a library research approach to examine the influence of pseudo-salafi groups on community practice through written studies that have been produced. The results of the study found that the influence and existence of this pseudo-salafi group is very confusing in society. In fact, they also manipulate the words of the scholars to suit the ideology and their tastes.

Keywords: *pseudo-salafi, traditional practice, weak Hadith, Jawi work*

Pendahuluan

Semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu, masyarakat Islam Tanah Melayu telah beriltizam dengan mazhab Shafi'i dalam pengamalan mereka. Hal ini dicatatkan oleh ahli sejarawan negara bahawa pendakwah yang datang memasuki negara ini adalah bermazhab Shafi'i.⁴ Oleh itu, penerangan keagamaan berkaitan fiqh/pengamalan adalah menerusi tafsiran mazhab Shafi'i.

Selain itu, ajaran Islam yang dibawa masuk ke Malaysia menerima ajaran tasawuf sebagai sebahagian ajaran agama. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang berpandukan Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWAJA). Maka, pegangan akidah, syariah dan akhlak masyarakat Malaysia harus dipelihara agar tidak bercanggah dengan dasar serta prinsip Ahli Sunnah wa al-Jamaah.⁵

Walau bagaimanapun, sinkronisasi pegangan masyarakat kepada mazhab tersebut di Malaysia mula dipertikaikan oleh segelintir golongan yang mengakui bahawa ajaran mereka lebih sahih dalam mengikuti baginda Nabi SAW. Mereka yang cuba mencemarkan keharmonian pegangan fiqh masyarakat Islam Malaysia hari ini dikenali sebagai pseudo-salafi. Menurut Khalif Muammar A. Harris, perbezaan ketara antara salafi di awal Islam dan Pseudo-Salafi moden hari ini ialah salafi di awal Islam mereka menerima ajaran tasawuf sebagai sebahagian daripada ajaran

⁴ Hasliza Hassan, "Agama: Mazhab Syafie di Malaysia sudah lama bertapak", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 5 Januari 2020, <http://www.bharian.com.my/node/17067>.

⁵ Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, *Bahaya Anti Mazhab*, cet. 2 (Komtar: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2017), 1.

Islam, tetapi pseudo-salafi menolak habis-habisan ajaran tasawuf.⁶ Bahkan, apabila kelompok ini semakin mendapat tempat dalam masyarakat, mereka mula secara terang-terangan mengajak masyarakat kembali kepada dalil/sunnah yang sahih. Walhal, dalam agama Islam dalil tidak terhad hanya kepada al-Kitab dan al-Sunnah bahkan lebih mendalam daripada itu.

Pseudo-Salafi merupakan gabungan di antara dua perkataan iaitu pseudo dan salaf. Perkataan pseudo berasal daripada perkataan inggeris yang membawa maksud *not-genuine*⁷, *not actually but having the appearance of, pretended, false or spurious*.⁸ Manakala, salaf adalah generasi sahabat Nabi Muhammad SAW, tabiin dan *tabi' al-tabi'in*; ulama ~ satu daripada dua golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang hidup 300 tahun selepas Hijrah.⁹ Oleh yang demikian, gabungan daripada kedua-dua perkataan ini (pseudo-salafi) membawa maksud seseorang atau puak yang berpura-pura mengikut metodologi golongan salaf, namun sebenarnya mereka tidak mengikut secara keseluruhan metodologi salaf, bahkan hanya mengolah pegangan salaf terdahulu mengikut kesesuaian dan kepentingan mereka.¹⁰ Justeru, mana-mana pandangan salaf yang tidak menepati citarasa mereka, maka akan diabaikan dan disembunyikannya daripada disampaikan kepada masyarakat awam.

Sehubungan dengan itu, keberadaan pseudo-salafi dalam masyarakat semakin hari semakin membimbangkan. Hal ini kerana mereka secara halus sudah mula membentuk satu keadaan masyarakat yang saling berbalah di antara satu sama lain. Lebih parah lagi, terdapat anggota masyarakat yang berani membantah pandangan ulama-ulama mazhab khususnya mazhab majoriti

⁶ Nik Roskiman Abdul Samad, "Fahaman Melampau Salafi Palsu", laman sesawang *IkimFM*, dicapai pada 5 Januari 2020, <http://ikimfm.my/fahaman-melampau-salafi-palsu/>.

⁷ Entri "pseudo" diakses pada 25 Mei 2020, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/pseudo>.

⁸ Entri "pseudo" diakses pada 25 Mei 2020, <https://www.dictionary.com/browse/pseudo?s=t>.

⁹ Entri "salaf" diakses pada 25 Mei 2020, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Salaf>.

¹⁰ Basri Husin, "Perbincangan Epistemologi dalam Wacana Kalam al-Asha'irah: Analisis Terhadap Pemikiran al-Baqillani (w. 403H) dan al-Baghdadi (w. 429H)" (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2018), 6.

Nusantara iaitu mazhab Shafi'i. Kitab-kitab jawi *turath* yang menjadi panduan dan bekalan masyarakat sebelum ini untuk memahami agama mula ditinggalkan dan diperlekehkan hanya kerana tidak bersumberkan daripada hadith sahih. Perbincangan dalil yang sepatutnya tidak dibuka ruang secara meluas kepada masyarakat awam akhirnya disebar luaskan.

Masyarakat Islam hari ini tidak perlu melalui perjalanan keilmuan yang lama untuk mengkritik status hadith, mengeluarkan hukum daripada hadith dan sebagainya. Tetapi, cukup dengan merujuk kepada laman sesawang *SemakHadis.com*, masyarakat sudah mampu mencari dan mengetahui hukum sesuatu hadith. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan menyebabkan masyarakat mula memahami hadith secara tekstual dan mengeluarkan hukum berasaskan sesuatu hadith yang mereka temui secara semberono.

Justeru, pengaruh kelompok pseudo-salafi dalam masyarakat Malaysia perlu dipandang serius kerana melibatkan pembaharuan dalam pengamalan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Pengaruh ini akan mengakibatkan masyarakat lebih keliru dan mula menjauhkan diri dengan perbincangan agama yang berbelit. Demikian, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menilai dan meneliti pengaruh pseudo-salafi dalam mencari amalan beragama masyarakat Islam di Malaysia secara khusus.

Artikel ini bertujuan untuk meneliti pengaruh fahaman agama versi pseudo-salafi dalam masyarakat Islam di Malaysia. Penelitian dilakukan dengan menganalisis isu-isu berkaitan pembawaan ideologi pseudo-salafi di Malaysia. Fokus analisis melibatkan beberapa aspek, iaitu antaranya cubaan membebaskan masyarakat daripada beriltizam dengan mazhab, menyeru untuk meninggalkan dalil-dalil yang tidak sahih dan isu-isu tekstualisme. Keseluruhan data dianalisis berasaskan metode analisis kandungan di mana penelitian dan pemerhatian dilakukan bagi mengenal pasti ideologi pseudo-salafi di Malaysia. Metode yang digunakan bertujuan untuk memastikan objektif kajian tercapai.

Isu Seruan Bebas Mazhab

Golongan pseudo-salafi sering menimbulkan kekeliruan dan keraguan terhadap masyarakat, terutamanya mereka yang kuat berpegang dengan mazhab Shafi'i. Alasan golongan ini adalah

kerana Nabi SAW menyeru umatnya agar kembali kepada al-Kitab dan al-Sunnah sekiranya berlaku perselisihan dan bukannya merujuk kepada pendapat imam-imam mazhab. Bagi mengelirukan masyarakat yang setia berpegang dengan mazhab Shafi'i, mereka selalu menyeru dengan perkataan pelopor mazhab ini Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī iaitu:

إذا صح الحديث فهو مذهبي.

Terjemahan: Apabila sahih sesuatu hadith maka itu adalah mazhabku.¹¹

Wujud persoalan, kepada siapakah kata-kata ini ditujukan? Adakah boleh digunapakai oleh sesiapa sahaja termasuk orang awam, lalu dipraktikkan dalam pengamalan harian mereka? Justeru, pentingnya seseorang untuk melihat kepada penjelasan para ulama selepas al-Shafi'i. Hal ini kerana mereka lebih dekat dengan al-Shafi'i dan ada dalam kalangan mereka yang *bersuhbah* lama dengan beliau. Secara analogi, sudah pasti orang yang *bersuhbah* lama dengan seseorang guru akan lebih memahami setiap perkataan gurunya berbanding orang yang jauh dan tidak bersama dengan gurunya dalam perjalanan ilmiah.

Dalam pada itu, para ulama mendatangkan secara beragam riwayat berkenaan kata-kata di atas. Antaranya riwayat daripada Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī bahawa menurutnya ayahnya mengkhabarkan kepadanya daripada Ḥarmaah bahawa al-Shāfi'ī mengatakan sekiranya apa-apa yang aku sampaikan bertentangan dengan hadith Nabi SAW, maka hadith Nabi SAW lebih utama, dan waktu itu jangan mengikuti pandanganku.¹² Riwayat daripada al-Aṣamm daripada al-Rabī' bahawa al-Shāfi'ī menyatakan bahawa jika kamu semua (murid beliau) mendapati di dalam kitabnya terdapat percanggahan dengan sunnah Nabi SAW, maka tinggalkan pandanganku. Begitu juga riwayat daripada al-Bayhaqī yang menyebutkan perkara yang sama dengan seperti riwayat al-Aṣam. Kebanyakan riwayat menunjukkan makna yang serupa.

¹¹ Shams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, ditahqiqkan oleh Shu'ayb al-Arna'ūt, cet. 3 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1985), 10:35.

¹² Abū Muḥammad 'Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad Ibn Idrīs Ibn al-Mundhir al-Tamīmī, *Ādāb al-Shāfi'ī wa Manāqibihī*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Ghanī 'Abd al-Khāliq (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 51.

Dalam hal ini, terdapat persoalan terkait perkataan al-Shāfi‘ī tersebut. Adakah terdapat murid al-Shāfi‘ī yang mengikuti kata-kata tersebut secara tekstual ataupun tidak. Ibn Ṣalāh menyebutkan bahawa ada sebahagian murid al-Shāfi‘ī yang mengikuti pesanan guru mereka agar beramal dengan hadith yang sahih sekiranya mereka menjumpainya. Antara murid al-Shāfi‘ī yang mengikuti ungkapan dan saranan guru mereka adalah al-Buwayṭī dan Abū al-Qāsim al-Dārikī dan Abū al-Ḥasan al-Kiyā al-Ṭabarī. Walau bagaimanapun, menurut Ibn Ṣalāh, perkara tersebut bukanlah sesuatu hal yang mudah untuk dilakukan: “Bukan setiap orang yang faqīh itu boleh beramal dengan apa sahaja hadith yang mereka lihat sebagai hujah.”

Antara murid lain yang begitu berpegang dengan perkataan al-Shāfi‘ī juga adalah Abū al-Walīd. Perkara jelas ditunjukkan oleh beliau yang meninggalkan pandangan gurunya al-Shāfi‘ī dan mengambil untuk beramal dengan hadith “terbatal puasa orang yang berbekam dan dibekam”.¹³ Hal ini kerana menurut Abū al-Walīd hadith ini adalah hadith yang sahih dan mesti diamalkan berbanding pandangan guru beliau. Ibn Ṣalāh menyanggah pandangan Abū al-Walīd ini dengan mengatakan bahawa al-Shāfi‘ī telah meninggalkan hadith ini walaupun hadith tersebut adalah sahih. Menurut al-Shāfi‘ī, hadith ini telah *mansukh*.¹⁴ Justeru, tidak semua hadith sahih memberikan natijah yang sahih terhadap aspek pendalilan. Sebagaimana yang disebut oleh Muḥammad ‘Awwāmah, tidak semua hadith daif adalah mesti ditinggalkan dan tidak semua hadith sahih itu adalah mesti diamalkan.¹⁵

Selain itu, kelompok ini sering mendendangkan kata-kata ini: “berpadalah dengan al-Quran dan al-hadith sebagai panduan kepada kehidupan” dan ditambah lagi dengan “Kami juga menggunakan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, maka tidak

¹³ Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash‘at, *Sunan Abī Dāwud*, ditahqiqkan oleh Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (Beirūt: Dār al-‘Aṣriyyah, t.t), no. Hadith 2367, 2: 308.

¹⁴ Lihat ulasan al-Tirmidhī terhadap hadith ini. Muḥammad Ibn ‘Isā Ibn Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ditahqiqkan oleh Aḥmad Muḥammad Shākīr (Miṣr: Sharikah Maktabah wa Maṭba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), 3: 135.

¹⁵ Walīd Ismā‘īl, “Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Ḥafīzahullāh”, laman sesawang *Youtube Walīd Ismā‘īl*, dicapai 29 Mei 2020, <https://www.youtube.com/watch?v=Qk0Uu3Yi4qQ>.

lagi diperlukan yang selain daripada kedua itu”.¹⁶ Mereka seolah-olah menyamakan kedudukan mereka dengan para imam mazhab yang boleh mengambil pengajaran secara langsung daripada dalil-dalil mentah. Sebab itu timbulnya slogan *hum rijāl wa nahnu rijāl* yang bermaksud para imam adalah tokoh ulama sedangkan kami juga adalah tokoh seperti mereka.¹⁷ Perkataan ini adalah suatu ibarat yang benar dan tepat jika diungkapkan oleh imam mujtahid. Namun, jika digunakan oleh seseorang yang bukan mencapai taraf imam mujtahid, maka perkara ini akan menimbulkan salah faham dan membawa kepada mudarat yang besar.

Kaedah yang mengajak kepada pembebasan setiap individu Muslim daripada taklid dengan sesuatu mazhab adalah sesuatu yang membingungkan. Hal ini boleh menjerumuskan seseorang ke dalam kategori memperolok-olokkan agama akibat tidak arif dan pakar dalam sesuatu hal yang dilakukan. Fadl Hasan ‘Abbas menyatakan ijtihad bukanlah sekadar memetik pandangan yang ganjil dan pelik. Setiap individu yang mengajak supaya meninggalkan taklid terhadap mazhab, membiarkan tanpa perlu diikuti, menganggap para imam mazhab sebagai *al-tawāghīt* (tirani-tirani) dan melakukan tohmahan terhadap para pengikut sesuatu mazhab dengan sifat fanatik dan taklid, maka sebenarnya mereka telah mengadakan sesuatu mazhab yang baru.¹⁸ Bahkan, sifat mereka lebih fanatik dan taasub daripada pengikut mazhab yang lain. Pseudo-salafi inginkan setiap individu berkemampuan dalam memilih pandangan dan ijtihad yang sesuai menurut kehendak mereka.

Maka apabila melibatkan orang awam, sepatutnya mereka tidak perlu disibukkan ataupun didedahkan dengan dalil-dalil mentah seperti al-Quran dan hadith. Justifikasinya, berinteraksi secara langsung dengan dalil adalah sesuatu yang sukar walaupun di kalangan *faqīh*. Oleh itu, memadai bagi orang awam untuk

¹⁶ Fadl Hasan Abbas, *Fiqh Agama: Antara Faham Literal dan Moderat*, terj. Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman dan Ahmad Zaki Mubarak (Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, 2011), 85.

¹⁷ Bakr Ibn ‘Abdullah Abū Zayd Ibn Muḥammad, *al-Madkhal al-Mufaṣṣal li Madhhab al-Imām Aḥmad wa Takhrījāt al-Aṣḥāb* (Jeddah: Dār al-‘Āṣimah, 1417H), 1: 232.

¹⁸ Fadl Hasan Abbas, *Fiqh Agama: Antara Faham Literal dan Moderat*, terj. Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman dan Ahmad Zaki Mubarak, 95-96.

berpegang dengan pandangan ulama fiqh (dalil yang sudah diproses). Perkara ini adalah kerana mereka tidak mampu untuk mengeluarkan *istifadah* sedikit pun daripada dalil tersebut. Hal ini amat merugikan awam, bahkan membahayakan kerana bimbang akan membawa kefahaman yang menyesatkan dalam kalangan masyarakat.

Seruan yang mengajak ke arah pembebasan seseorang daripada mengikuti sesuatu mazhab adalah perkara yang tidak tepat dan menyalahi panduan wahyu sendiri agar ummah merujuk dan mengikut pihak yang berautoriti. Seseorang yang awam mesti dan berkeperluan untuk bertaklid dengan sesuatu mazhab mengikut majoriti setempat. Perkara ini adalah bagi memudahkan dan menenangkan mereka untuk melakukan amal ibadah berdasarkan ajaran Islam yang telah dimudahkan pemahamannya oleh para imam mazhab. Mazhab merupakan panduan bagi masyarakat awam, jadi golongan pseudo-salafi tidak perlu menimbulkan kecelaruan kepada minda awam dengan sesuatu yang mustahil bagi mereka untuk dicapai dan direalisasikan.

Isu Penolakan Hadith Daif dalam Karya Jawi Sebagai Sandaran Amalan

Secara dasar, masyarakat Islam di Malaysia beramal dengan apa yang terdapat di dalam kitab-kitab Jawi Nusantara. Hal ini kerana kitab-kitab jawi merupakan silibus pengajaran utama di setiap institusi pondok di Malaysia. Majoriti kitab-kitab tersebut adalah membincangkan soal akidah, fiqh dan tasawuf. Manakala, kitab yang berkaitan hadith berada dalam kelompok minoriti. Namun, penggunaan hadith dalam kitab turath Nusantara lain amat meluas. Jika, diteliti dari aspek pengamalan, sudah pasti karya fiqh merupakan sumber utama dalam memberikan panduan secara sistematik kepada masyarakat untuk melakukan amalan dalam beragama.

Sungguhpun demikian, pseudo-salafi amat mempertikaikan karya-karya turath Nusantara yang mengandungi hadith-hadith tidak sahih. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa memadai hadith sahih sebagai sumber dalil kepada amalan seharian.¹⁹ Lalu

¹⁹ Juhaidi Yean Abdullah, "Hadis Palsu dalam Kitab Pondok", laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 27 Mei 2020, <https://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397>.

ditinggalkan hadith daif yang mempunyai cabang perbahasan yang sangat meluas. Masalah menjadi lebih parah apabila kelompok pseudo-salafi ini mula menghukum bidaah amalan masyarakat setempat hanya kerana tidak bersumberkan kepada dalil hadith yang sahih. Kemudian, disebarkan slogan-slogan yang mengajak supaya kembali beramal dengan hadith sahih semata-mata. Walhal, sumber dalil dalam Islam itu tidak terhad hanya kepada hadith-hadith yang disahkan kesahihannya.

Masyarakat pula didedahkan dengan teknik “semak sebelum sebar” iaitu jika mendapati sesuatu hadith, maka disemak terlebih dahulu sebelum disebarkan.²⁰ Usaha ini membuatkan masyarakat mula bersibuk-sibuk dengan dalil dan semakin kurang perhatian terhadap perbahasan fiqh. Sedangkan, dalil bukanlah medan masyarakat yang utama kerana mereka tidak mampu mendapat faedah daripada dalil tersebut. Seharusnya, masyarakat pada hari ini difokuskan dengan aspek perbahasan fiqh supaya praktik amalan itu dapat ditambah baik dari semasa ke semasa. Al-Shāṭibī menyebutkan bahawa:

فَتَاوَى الْمُحْتَجِّدِينَ بِالنَّسْبَةِ إِلَى الْعَوَامِّ كَالأَدْلَةِ الشَّرْعِيَّةِ بِالنَّسْبَةِ إِلَى الْمُحْتَجِّدِينَ.

Terjemahan: “Fatwa para mujtahid adalah petunjuk untuk orang awam sebagaimana dalil-dalil syarak yang menjadi petunjuk buat para mujtahid.”²¹

Maka kaedah ini jelas menunjukkan bahawa lapangan dalil bukannya skop perbahasan bagi masyarakat awam. Sepatutnya, lapangan fiqh (praktikal ibadah) yang perlu diperkukuhkan dan diperjelaskan kefahamannya kepada masyarakat. Secara tidak langsung dapat menyanggah pernyataan-pernyataan pseudo-salafi yang membiarkan masyarakat bersibuk-sibuk dengan dalil sehingga menyebabkan kefahaman kepada praktikal ibadah dalam agama itu semakin hilang. Bahkan, ini turut menimbulkan pengamalan dalam bentuk ganjil dek kerana pemahaman mereka terhadap hadith yang tidak menepati kaedah para ulama muktabar.

Lebih parah, kelompok pseudo-salafi ini seolah-olah menyamakan hadith daif dengan *mawdu‘* sehingga menimbulkan

²⁰ “Semak Hadis Dengan Mudah,” laman sesawang *Semakhadis.com*, dicapai 1 Januari 2020, <http://semakhadis.com/about/>.

²¹ Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Lakhmi al-Gharnāṭī al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, ditahqiqkan oleh Abū ‘Ubaydah Mashhūr Ibn Ḥasan ‘Āli Salmān, (t.tp: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 5:336-337.

kekeliruan dalam kalangan masyarakat setempat. Sebagaimana dimaklumi, masyarakat Melayu sangat sinonim dengan karya-karya Jawi. Hampir di kebanyakan masjid dan surau mengajarkan karya-karya Jawi kepada masyarakat. Apabila kelompok pseudo-salafi mula mengatakan dalam karya-karya tersebut mempunyai hadith bertaraf lemah.²² Maka, masyarakat mula meragui keberadaan karya jawi tersebut. Sedangkan, majoriti masyarakat mempelajari soal ibadah berpandukan karya-karya tersebut.

Memang tidak dinafikan kadang-kala ada hadith yang lemah bahkan ada yang tidak dijumpai sumbernya, namun terkadang ulama Nusantara menuliskan hadith di dalam karya mereka dengan mafhum daripada hadith sahaja. Oleh itu, bila ditakhrij kadang-kadang tidak dijumpai lafaz matan sedemikian.

Walau bagaimanapun, tidak wajar bagi seseorang penuntut ilmu untuk menyamakan dan memukul secara rawak hadith daif dan palsu. Hal ini kerana kedua-dua kategori hadith itu mempunyai ruang perbincangan yang berbeza dan luas. Tidak semudah daif itu palsu dan setiap yang daif ataupun palsu itu tertolak.

Ideologi penyamaan ini bermula setelah al-Albānī menulis karyanya yang menghimpunkan hadith daif dan palsu dalam satu topik perbincangan yang sama. Ini secara tidak langsung telah merancakkan lagi isu penyamaan kedua-dua jenis hadith tersebut. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam *muqaddimah* kitab *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍaʿīfah* yang beliau tulis. Al-Albānī menyebutkan bahawa:

من المصائب العظمى التي نزلت بالمسلمين منذ العصور الأولى انتشار الأحاديث الضعيفة والموضوعة بينهم، لا أستثني أحداً منهم، ولو كانوا علماءهم، إلا من شاء الله منهم من أئمة الحديث ونقادهم. كالبخاري، وأحمد، وابن معين، وأبي حاتم الرازي، وغيرهم.

Terjemahan: “Salah satu musibah terbesar yang menimpa umat Islam semenjak abad pertama Hijriyyah adalah dengan tersebarnya hadith-hadith daif dan *mawduʿ* dalam kalangan

²² Juhaidi Yean Abdullah, “Hadis Palsu dalam Kitab Pondok”, laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 27 Mei 2020, <https://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397>.

umat Islam. Perkara ini juga menimpa para ulama kecuali mereka yang pakar hadith yang dikehendaki oleh Allah seperti al-Bukhārī, Aḥmad, Ibn Ma‘īn, Abī Ḥātim al-Rāzī dan lain-lain.²³

Jelas berdasarkan kenyataan ini seolah-olah menyamakan hadith daif dan palsu kerana beliau memasukkan kedua hadith tersebut dalam satu *silsilah* yang sama dan membuang keduanya tanpa ada pengecualian.²⁴

Selain daripada itu, sesetengah penuntut hadith tersilap dalam memahami perkataan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Berdasarkan penulisan Ibn Ḥajar dalam karyanya *Nukhbah al-Fikar*, hadith terbahagi kepada dua pembahagian iaitu hadith-hadith yang diterima (*maqbul*) dan hadith-hadith yang ditolak (*mardūd*). Antara hadith yang beliau masukkan di bawah pembahagian hadith-hadith yang ditolak adalah hadith daif. Maka, dengan tanpa rasa tanggungjawab kelompok pseudo-salafi mengatakan bahawa ulama-ulama hadith muktabar semisal Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī pun menolak hadith daif secara keseluruhan.

Sebenarnya, apa yang dimaksudkan oleh Ibn Ḥajar tidaklah sebagaimana yang difahami oleh kelompok pseudo-salafi. Beliau telah mensyarahkan setiap penulisan beliau dalam *Nukhbah* tidak lama setelah itu dengan menulis kitab *Nuzhah al-Nazar fi Tawdīh Nukhbah al-Fikar*. Dalam syarah beliau telah menyebutkan dengan lebih terperinci mengenai pembahagian hadith-hadith yang ditolak (*mardūd*) tersebut dan di dalam perincian itu beliau menjelaskan bahawa terdapat hadith-hadith yang diterima walaupun terkadang hadith tersebut *mu‘allaq*, *mursal* dan lain-lain.²⁵ Oleh itu, sesuatu perkara seharusnya diteliti secara keseluruhan sama ada pada pembahagiannya atau perinciannya agar tidak terlalu gopoh dalam mengeluarkan apa-apa kenyataan dan keputusan. Bertepatan dengan kaedah dalam ilmu usul fiqh iaitu:

²³ Abū ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharīhā al-Sayyi’ fi al-Ummah* (Riyāḍ: Dār al-Ma‘ārif, 1992), 1: 47.

²⁴ Muḥammad ‘Awwāmah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Da‘īf* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 10.

²⁵ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Nuzhah al-Nazar fi Tawdīh Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalaḥ Ahl al-Athār* (Dimashq: Maṭba‘ah al-Ṣabāh, 2000), 51.

الحكم على الشيء فرع عن تصوره.

Terjemahan: Penentuan hukum ke atas sesuatu perkara merupakan cabang bagi gambarannya.

Di samping itu, setiap pengkaji ilmu perlu amanah dalam mendapatkan gambaran yang jelas mengenai sesuatu perbahasan ilmu. Perkara ini adalah untuk mengelakkan seseorang pengkaji itu mengatakan ataupun mengeluarkan kenyataan yang bercanggah dengan pandangan para imam yang muktabar akibat tidak faham secara menyeluruh penulisan mereka. Seterusnya, akan menjadikan setiap pengkaji ilmu itu tidak terlalu cepat menghukum berkenaan sesuatu isu hanya berdasarkan tajuk atau tema semata-mata, akan tetapi mendisiplinkan diri setiap pengkaji untuk lebih peka dan teliti dalam membaca karya-karya ulama sebelum mereka menetapkan sesuatu keputusan.

Justeru, ciri-ciri kelompok pseudo-salafi ini perlu disebar luaskan agar masyarakat mengenali kelompok ini secara jelas. Mereka selalu bertukar label penjenamaan kerana ingin diterima masyarakat setempat. Menurut Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, Wahabi (pseudo-salafi) telah menukarkan nama mereka kepada Salafi atau kadang-kadang menggunakan istilah Ahli Sunnah tanpa disertakan istilah Jamaah di belakangnya.²⁶ Contohnya, pernah timbul nama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah al-Salafiyah di Malaysia. Mereka tidak menyukai apabila dilabelkan dengan gelaran Wahabi (pseudo-salafi). Dengan melakukan penjenamaan semula daripada Wahabi kepada Salafi. Maka, segala gerak kerja dakwah dan seruan mereka yang mengajak umat Islam kembali kepada kefahaman *salaf al-sāliḥ* semakin mendapat sambutan.

Isu Tekstualisme dalam Memahami Nas Keagamaan

Pemahaman secara tekstual atau literal oleh sesetengah agamawan telah menyebabkan kekeliruan yang besar dalam kalangan masyarakat. Kebiasaannya, isu ini terjadi dalam perbahasan teks-teks agama yang melibatkan ayat-ayat dan hadith-hadith *mutashābihāt*.²⁷ Namun, isu ini turut berlaku dalam perkara lain

²⁶ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Al-Salafiyah* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1990), 235-236.

²⁷ Ahmad Shukri Yusoff, "Waspada Kumpulan Menyeleweng", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 1 Jun 2020, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/219179/waspada-kumpulan-menyeleweng>.

yang melibatkan pengamalan. Lebih-lebih lagi kini, masyarakat diseru untuk kembali kepada *mi'yār* (sumber) agama yang asli (al-Quran dan hadith) dan meninggalkan segala amalan-amalan yang tidak bersumberkan dalil yang jelas serta sahih. Bagi pseudo-salafi, selagi mana dalil itu sahih, maka ia boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Sedangkan, kesahihan sesuatu dalil belum pasti menjamin kefahaman seseorang yang sahih terhadap dalil.

Kebanyakan mereka menterjemahkan hadith-hadith secara tekstual dan menyebabkan berlaku penyimpangan pada makna hadith. Setiap hadith tidak boleh kesemuanya difahami secara tekstual kerana setiap hadith itu mempunyai pemaknaan yang berbeza, terkadang boleh jadi sesuatu hadith itu perlu difahami secara makna teksnya, namun terkadang boleh jadi hadith itu mesti difahami secara kontekstual. Hadith daripada Nabi SAW adalah berbahasa Arab, maka bahasa Arab itu kadang-kadang didatangkan dengan makna hakiki dan kadang-kadang didatangkan dengan makna *majāzī*. Hal ini kerana kewujudan sesuatu hadith amat berkait dengan konteks sosial, budaya, politik, geografi, ekonomi dan sistem nilai yang ada pada masa lahirnya (latar belakang) sesuatu hadith.

Para ulama tidak berbeza pandangan bahawa geografi tidak termasuk sebagai salah satu sumber hukum Islam. Namun demikian, aspek geografi merupakan ilmu bentuk muka bumi yang dapat membantu seseorang Muslim dalam memahami hadith Nabi SAW. Apabila seseorang tidak mengetahui tentang geografi, terkadang akan menjadi keliru dalam memahami hadith. Oleh yang demikian, mahu tidak mahu aspek geografi merupakan perkara penting bagi memahami sesuatu hadith.

Contohnya, hadith saranan menghadap ke Timur dan ke Barat ketika menunaikan hajat. al-Bukhārī menyebutkan di dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* melalui riwayat Abī Ayyūb al-Anṣārī bahawa beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الْغَائِطَ، فَلَا يَسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَلَا يُؤْهِئُ ظَهْرَهُ، شَرَّفُوا أَوْ عَرَّبُوا.

Terjemahan: “Ketika seseorang hendak menunaikan hajatnya, maka janganlah menghadap kiblat atau membelakanginya. Menghadaplah ke timur atau barat.”²⁸

²⁸ Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlullāh SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi*, ditahqiqkan

Setelah diperhatikan hadith ini tidak disebutkan kedudukan tempat Nabi SAW berada ketika hadith ini disampaikan. Tetapi dalam riwayat yang lain daripada ‘Abd Allah Ibn ‘Umar telah disebutkan bahawa Nabi SAW naik ke atas rumah Hafshah untuk menunaikan hajat. Ketika itu, aku melihat Rasulullah SAW menunaikan hajat dengan membelakangi kiblat dan menghadap ke Syam.²⁹

Maka, hadith tersebut menunjukkan bahawa Nabi SAW menyampaikan hadith tersebut ketika Baginda SAW berada di Madinah. Perkara ini dapat diketahui melalui lafaz “Rumah Hafshah” kerana Hafshah adalah *Umm al-Mu’minin* isteri Nabi SAW dan merupakan saudara perempuan ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar. Nabi SAW menikahi beliau setelah berhijrah dan menetap di Madinah.³⁰ Bahkan, Hafshah juga wafat di Madinah.³¹ Oleh yang demikian, dapat ditentukan bahawa ketika hadith tersebut disampaikan baginda SAW berada di Madinah. Madinah pula berada pada arah utara Mekah.

Disebabkan itu, hadith tidak boleh diamalkan secara literal (tekstual) sebab tidak semua orang yang membaca hadith berada pada tempat yang sama dengan Nabi SAW berada ketika hadith itu disampaikan. Sebagai contoh, Malaysia berada pada arah timur Mekah. Jadi, apabila hadith “Menghadaplah ke timur atau barat” diamalkan secara literal (tekstual), maka maksudnya adalah: “Menghadaplah ke arah kiblat atau membelakanginya”. Secara literalnya memang timur adalah timur dan barat adalah barat. Maka, bertentangan teks hadith itu sendiri dengan rangkap awal hadith tersebut iaitu “Maka janganlah menghadap kiblat atau membelakanginya”.³²

oleh Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir al-Nāṣir (Dār Ṭūq al-Najāh, 2002), [no. hadith 144], 1:41.

²⁹ *Ibid.*, [hadith 148].

³⁰ Jamāl al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥmān Ibn al-Jawzī, *Talqīh Fuhūm Ahl al-Athar fī ‘Uyūn al-Tārīkh wa al-Siyar* (Beirūt: Sharikah Dār al-Arqām Ibn Abī al-Arqām, 1997), 1: 23.

³¹ Ibn Mandah al-‘Abdī al-Aṣbahānī, *al-Mustakhrāj min Kutub al-Nas lil Tadkhirah wa al-Mustatraf min Aḥwāl al-Rijāl lil Ma’rifah*, ditahqiqkan oleh ‘Āmir Ḥasan Ṣabrī al-Tamīmī (Baḥrayn: Wuzārah al-‘Adl wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah al-Baḥrayn, t.t), 2: 606.

³² Ali Mustafa Yaqub, *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2016), 77.

Oleh itu, hadith di atas apabila hendak dipraktikkan dalam konteks Nusantara khususnya Malaysia mesti seperti ini; “Menghadaplah ke utara atau selatan”, sehingga sesiapa yang menunaikan hajat tidak menghadap ke arah kiblat ataupun membelakanginya. Apabila difahami seperti berikut baru bertepatan dengan rangkap awal hadith di atas. Menurut Ali Mustafa Yaqub, hadith tersebut mempunyai dua cara pemahaman. Cara yang pertama adalah secara tekstual iaitu pada rangkap hadith: “Maka janganlah menghadap kiblat atau membelakanginya”. Manakala, kedua adalah pemahaman secara kontekstual iaitu pada rangkap hadith “Menghadaplah ke timur atau barat”. Kedua-dua kaedah ataupun cara ini tidak dapat difahami melainkan oleh mereka yang mempunyai dan menguasai ilmu tentang geografi.³³

Daripada contoh isu dan bentuk hadith yang diberikan di atas, dapat difahami bahawa bahayanya jika sesuatu hadith mahupun teks keagamaan difahami dengan pemahaman yang tekstual (literal). Walaupun ilmu geografi tidak dikira sebagai sumber dalil yang *syar’i* tetapi mengambil kira ilmu tersebut dalam mendapatkan pemahaman yang tepat terhadap sumber agama adalah sesuatu yang penting dan mesti dititik beratkan. Oleh itu, masyarakat akan mendapat penjelasan yang benar dan tidak menyeleweng daripada maksud sebenar teks-teks agama terutamanya hadith Nabi SAW.

Penutup

Pseudo-salafi adalah suatu gerakan berasaskan agama yang cuba memecahbelahkan keharmonian pengamalan ibadah umat Islam di Malaysia. Mereka mendakwa ajaran yang dibawa adalah bersumberkan secara langsung daripada perkataan-perkataan Nabi SAW. Oleh itu, jika berlaku *khilāf* (pertembungan pandangan) maka seharusnya kembali kepada al-Quran dan hadith Nabi SAW, bukannya merujuk kepada pendapat para imam. Ideologi seperti ini adalah bahaya kerana boleh menyebabkan seseorang tersalah dalam memahami nas al-Quran mahupun hadith.

Pendekatan yang dibawakan juga banyak bercanggah dengan amalan kebiasaan setempat. Perkara ini tidak dilakukan oleh para

³³ Ali Mustafa Yaqub, *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman, 77-78.

imam terdahulu, bertepatan dengan kaedah yang dibawa oleh Muḥammad ‘Awwāmāh dalam karyanya *Adāb al-Ikhtilāf fī Masā’il al-‘Ilm wa al-Dīn* yang dinyatakan oleh Aḥmad Ibn ‘Abd al-Malik Ibn Hāshim ketika ditanya Ibn ‘Abd al-Barr tentang kenapa beliau tidak membetulkan sesuatu amalan masyarakat setempat yang tidak mempunyai dalil yang kuat, lalu Aḥmad Ibn ‘Abd al-Malik menyatakan: “Berselisihan dengan jemaah (orang ramai) walaupun kita ada asas (dalil) yang benar bukanlah daripada perbuatan para imam-imam”. Selagi mana sesuatu amalan masyarakat setempat itu membawa kebaikan dan tidak melanggar hukum syarak, maka membiarkan amalan tersebut terus dilakukan adalah lebih baik daripada mengkritik dan mengatakan amalan tersebut tidak mempunyai dalil yang kuat dan sebagainya.

Jika benar mengikuti manhaj salaf, biarlah mengikuti manhaj tersebut secara keseluruhan dan bukannya hanya mengikut bahagian yang dirasakan sesuai dengan selera mahupun kehendak kelompok tertentu sahaja. Paling penting, masyarakat perlu didedahkan dengan kekeliruan yang dilakukan oleh kelompok pseudo-salafi ini agar tidak terjebak dengan pemahaman ralat seperti ini.

Rujukan

- “Semak Hadis Dengan Mudah,” laman sesawang *Semakhadis.com*, dicapai 1 Januari 2020, <http://semakhadis.com/about/>.
- Abū ‘Abd al-Rahmān Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Athariḥā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, Riyāḍ: Dār al-Ma‘ārif, 1992.
- Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash‘at, *Sunan Abī Dāwud*, ditahqiqkan oleh Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Beirut: Dār al-‘Aṣriyyah, t.t.
- Abū Muḥammad ‘Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad Ibn Idrīs Ibn al-Mundhir al-Tamīmī, *Adāb al-Shāfi‘ī wa Manāqibihī*, ditahqiqkan oleh ‘Abd al-Ghanī ‘Abd al-Khāliq, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Ahmad Shukri Yusoff, “Waspada Kumpulan Menyeleweng”, laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 1 Jun 2020, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/219179/was-pada-kumpulan-menyeleweng>.

- Ali Mustafa Yaqub, *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman, Jakarta: Pustaka Firdaus, 2016.
- Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, *Bahaya Anti Mazhab*, cet. 2, Komtar: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 2017.
- Bakr Ibn ‘Abdullah Abū Zayd Ibn Muḥammad, *al-Madkhal al-Mufaṣṣal li Madhhab al-Imām Aḥmad wa Takhrījāt al-Aṣḥāb*, Jeddah: Dār al-‘Āṣimah, 1417H..
- Basri Husin, “Perbahasan Epistemologi dalam Wacana Kalam al-Asha‘irah: Analisis Terhadap Pemikiran al-Baqillani (w. 403H) dan al-Baghdadi (w. 429H)” (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2018).
- Fadl Hasan Abbas, *Fiqh Agama: Antara Faham Literal dan Moderat*, terj. Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abd. Rahman dan Ahmad Zaki Mubarak, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, 2011.
- Hasliza Hassan, “Agama: Mazhab Syafie di Malaysia sudah lama bertapak”, laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai pada 5 Januari 2020, <http://www.bharian.com.my/node/17067>.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Nuzḥah al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, Dimashq: Maṭba‘ah al-Ṣabāḥ, 2000.
- Ibn Mandah al-‘Abdī al-Aṣbahānī, *al-Mustakhrāj min Kutub al-Nas lil Tadkhirah wa al-Mustatṭrif min Aḥwāl al-Rijāl lil Ma‘rifah*, ditahqiqkan oleh ‘Āmir Ḥasan Ṣabrī al-Tamīmī, Baḥrayn: Wuzārah al-‘Adl wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Baḥrayn, t.t.
- Ibrāhīm Ibn Mūsā Ibn Muḥammad al-Lakhmi al-Gharnāṭī al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, ditahqiqkan oleh Abū ‘Ubaydah Mashhūr Ibn Ḥasan ‘Āli Salmān, t.tp: Dār Ibn ‘Affān, 1997.
- Jamāl al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥmān Ibn al-Jawzī, *Talqīḥ Fuhūm Ahl al-Athar fī ‘Uyūn al-Tārīkh wa al-Siyar*, Beirut: Sharikah Dār al-Arqām Ibn Abī al-Arqām, 1997.
- Juhaidi Yean Abdullah, “Hadis Palsu dalam Kitab Pondok”, laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 27 Mei 2020, <https://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397>.
- Muḥammad ‘Awwāmah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Da‘īf*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.

- Muḥammad Ibn ‘Isā Ibn Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ditahqiqkan oleh Aḥmad Muḥammad Shākir, Miṣr: Sharikah Maktabah wa Maṭba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī, 1975.
- Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasullāh SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi*, ditahqiqkan oleh Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir al-Nāṣir, Dār Ṭūq al-Najāh, 2002.
- Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *Al-Salafīyyah*, Dimashq: Dār al-Fikr, 1990.
- Nik Roskiman Abdul Samad, “Fahaman Melampau Salafi Palsu”, laman sesawang *IkimFM*, dicapai pada 5 Januari 2020, <http://ikimfm.my/fahaman-melampau-salafi-palsu/>.
- Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, ditahqiqkan oleh Shu‘ayb al-Arna’ūṭ, cet. 3, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1985.
- Walīd Ismā‘īl, “Faḍīlah al-Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Ḥafizahullāh”, laman sesawang *Youtube Walīd Ismā‘īl*, dicapai 29 Mei 2020, <https://www.youtube.com/watch?v=Qk0Uu3Yi4qQ>.